

Tamatnya 'detik cemas' PM dan PN

UM - 18/12/2020

M/S : 8

SOROTAN PARLIMEN



Oleh HADI AB. MANAP

hadi.manap@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mesyuarat ketiga bagi penggal ketiga Parlimen ke-14 Dewan Rakyat telah berakhir secara rasminya semalam.

Persidangan hampir tujuh minggu itu telah menjawab beberapa perkara yang sering 'memeningkan' fikiran rakyat, khususnya berkenaan keabsahan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri kelapan.

Keutuhan Perikatan Nasional (PN) juga sering diejek-ejek blok pembangkang, kononnya sebuah kerajaan yang lemah, mempunyai masalah sokongan dan sentiasa dituduh cuba mencari helah untuk meluluskan Belanjawan 2021.

Ketika lulusnya bacaan kali ketiga Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan 2021 pada Selasa lalu, secara tidak langsung 'detik cemas' yang selama ini menekan Perdana Menteri dan PN turut berakhir.

Kedudukan Muhyiddin telah disahkan oleh dewan yang mulia manakala hubungan gabungan PN dan sekutunya Barisan Nasional (BN) nampaknya semakin jernih.

Apapun, usai sesi perbincangan Belanjawan 2021 dengan keme-



MUHYIDDIN YASSIN

nangan 111 majoriti berbanding 108 yang menolak, suhu politik di Dewan Rakyat kian reda.

Perdebatan tidak serancak sebelumnya manakala RUU pula diluluskan secara suara majoriti dan sebulat suara tanpa undi belah bahagian.

Sidang Dewan Rakyat sepatutnya telah tamat pada 15 Disember lalu, namun dilanjutkan lagi dua hari lagi bagi meluluskan RUU penting yang perlu dipinda bagi membolehkan beberapa inisiatif dalam Belanjawan 2021 dapat dilaksanakan.

Semalam, RUU Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19)) (Pindaan) 2020 diluluskan sebulat suara tanpa tentangan.

Menteri Kewangan, Tengku

Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika membentangkannya berkata, ia bagi membolehkan kerajaan menggunakan perbelanjaan tambahan berjumlah RM20 bilion dalam Kumpulan Wang Covid-19.

"Anggaran perbelanjaan tambahan membabitkan RM14 bilion bagi menampung pemberian Bantuan Prihatin Nasional (BPN), RM4 bilion untuk menampung perbelanjaan berkaitan Covid-19, keperluan melanjutkan Program Subsidi Upah (RM1.5 bilion) dan pemberian Geran Khas Prihatin (RM500 juta)," katanya.

Secara keseluruhan. Sebanyak 10 RUU diluluskan Dewan Rakyat termasuk RUU Perbekalan 2021 bagi peruntukan belanjawan tahun hadapan.

Turut diluluskan RUU Kewangan 2020, RUU Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan Covid-19 (Pindaan) 2020, RUU Kastam (Pindaan) 2020 dan RUU Eksais (Pindaan) 2020.

Persidangan turut meluluskan RUU Zon Bebas (Pindaan) 2020, RUU Cukai Jualan (Pindaan) 2020, RUU Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2020, RUU Cukai Pelancongan (Pindaan) 2020 dan RUU Koperasi (Pindaan) 2020.

Kini, giliran Dewan Negara pula memperhalusi keputusan yang dibuat Dewan Rakyat menerusi mesyuarat yang berlangsung sehingga 24 Disember ini.